

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 NOVEMBER 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hujan pada sebelah petang di Cameron Highlands	Bernama.com
2	DBKL tingkat pemantauan cerun pada musim monsoon	Bernama.com
3	Mahkamah persekutuan tangguh keputusan rayuan terakhir kes liwat anwar	Bernama.com
4	Anwar beri kenyataan dari kandang tertuduh berikutan pengalaman lampau – Sri Ram	Bernama.com
5	Angkasa perkenal kit pembelajaran astronomi pertama bagi pelajar kurang upaya penglihatan	Bernama.com
6	Children's Forum	The Star
7	Firma bumiputera bantu JPJ tangani isu plat nombor tidak tepati syarat	Bernama.com
8	Uji bakat detektif	Harian Metro
9	Shining Moment	The Star

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Hujan Pada Sebelah Petang Di Cameron Highlands

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Hujan dan ribut petir diramalkan di beberapa kawasan di sekitar Cameron Highlands, Pahang pada sebelah petang bermula hari ini sehingga Khamis depan.

Menurut Jurucakap **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** sepanjang tempoh itu, cuaca pada sebelah pagi dan malam diramalkan baik.

Purata suhu minimum 16 darjah celcius diramalkan sepanjang tempoh itu di Cameron Highlands, katanya kepada Bernama di sini.

Jurucakap itu menasihatkan orang ramai supaya tidak berada di kawasan lapang dan mengurangkan aktiviti pada waktu petang di kawasan terbabit bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat boleh melayari laman web MetMalaysia di **www.met.gov.my** Facebook **www.facebook.com/malaysiamet**, Twitter **www.twitter.com/malaysiamet** atau menghubungi talian **1-300-22-1638** yang beroperasi 24 jam.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



DBKL Tingkat Pemantauan Cerun Pada Musim Monsoon

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang meningkatkan kerja pemantauan dan pengawasan terhadap kawasan-kawasan cerun berikut musim monsoon sekarang.

Timbalan Ketua Pengarah (Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan) Datuk Mohd Najib Mohd berkata ini bagi mengesan sebarang aktiviti pergerakan tanah abnormal yang boleh menyebabkan tanah longsor.

"Sekiranya dikesan terdapat sebarang pergerakan tanah luar biasa di kawasan-kawasan cerun, kerja membaik pulih akan diambil bagi mengukuhkan struktur tanah. Ini juga bagi mengelak kejadian tanah runtuh daripada berlaku," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini, Sabtu.

Katanya, selain pemeriksaan secara fizikal, pemantauan secara 'real time' juga disokong oleh Sistem Maklumat Geografi (GIS) DBKL, yang menyediakan peta digital tiga dimensi mengenai sesuatu struktur alam sekitar itu.

GIS DBKL yang dilancarkan Jun lepas memantau dan mengenal pasti keadaan cerun yang sensitif serta berisiko terhadap kejadian tanah runtuh dan maklumat-maklumat yang dijana akan dihantar ke bilik operasi DBKL untuk dianalisis, kata beliau.

Semenanjung Malaysia mengalami musim peralihan monsoon (inter-monsoon) kepada monsoon timur laut pada pertengahan bulan ini.

Jabatan Meteorologi meramalkan negara akan mengalami lebih banyak hujan dalam musim ini yang dijangka berterusan hingga Mac tahun depan.

Keadaan hujan lebat yang berlarutan berisiko menyebabkan banjir di kawasan rendah dan tanah runtuh, kata jurucakap Jabatan Meteorologi.

Sementara itu, Pengarah Program SlopeWatch, Eriko Motoyama berkata kumpulan itu juga giat memantau kawasan cerun bukit di sekitar Bukit Antarabangsa untuk tanda-tanda risiko tanah runtuh.

SlopeWatch merupakan badan komuniti yang diwujudkan oleh penduduk di Bukit Antarabangsa untuk memantau aktiviti cerun selain menjalankan kerja-kerja penyelenggaran atas ke atas cerun bukit yang bermasalah.

"Kami menjalankan program kesedaran berterusan di mana kami melengkapkan penduduk setempat dengan pengetahuan mengenai 'kesihatan' cerun di kawasan masing-masing.

"Ini termasuk ilmu asas mengenai cerun seperti mengenalpasti tanda-tanda bahawa sesebuah cerun itu dalam bahaya," kata wanita itu.

Katanya, antara petandanya ialah rekahan di atas cerun, takungan air di kaki cerun dan pergerakan kedudukan tumbuhan dan infrastrukur di atas cerun.

Katanya badan itu bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan jaringan komuniti di kawasan perumahan lain untuk perkongsian maklumat.

"Kami bekerjasama rapat dengan Cawangan Kejuruteraan Cerun Jabatan Kerja Raya.

"Sebarang maklumat mengenai perubahan keadaan cerun setempat akan dimaklumkan kepada pihak berkuasa," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Mahkamah Persekutuan Tangguh Keputusan Rayuan Terakhir Kes Liwat Anwar



Tun Arifin Zakaria

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan menangguhkan keputusan rayuan terakhir Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung sabitan bagi kesalahan meliwat dan hukuman penjara lima tahun ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria, yang mengetuai panel lima hakim, berkata mereka memerlukan lebih banyak masa untuk membuat keputusan.

Beliau turut melanjutkan tempoh ikat jamin Anwar sebanyak RM10,000 sementara menunggu keputusan mahkamah tertinggi itu. Pendengaran rayuan berlangsung selama lapan hari bermula 28 Okt.

Empat lagi hakim yang bersidang ialah Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif serta tiga Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali.

Mahkamah Persekutuan akan memutuskan sama ada membenarkan atau menolak rayuan Anwar untuk mengetepikan sabitan dan hukuman penjara yang diputuskan Mahkamah Rayuan pada 7 Mac lepas selepas ia membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang membebaskan ketua pembangkang itu.

Jika Anwar gagal dalam rayuannya, beliau akan lucut kelayakan sebagai anggota Parlimen (MP) kawasan Permatang Pauh kerana Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan menetapkan seseorang MP akan lucut kelayakan sekiranya dijatuhi hukuman penjara lebih setahun atau denda lebih RM2,000.

Pendakwaan turut memfailkan rayuan balas untuk menambah tempoh hukuman penjara. Bagaimanapun, perkara itu hanya akan didengar jika Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

Pendengaran rayuan itu, yang pada awalnya ditetapkan dua hari mulai 28 Okt, berlarutan selama lapan hari berikutan pihak pembelaan dan pendakwaan mengemukakan hujah panjang lebar serta banyak rujukan kes undang-undang.

Terdahulu, Datuk Seri Gopal Sri Ram, bekas hakim Mahkamah Persekutuan yang mengetuai pasukan 15 peguam mewakili Anwar, menggulung hujah pihak pembelaan.

Peguam lain ialah Ramkarpal Singh Deo, Sangeet Kaur Deo, Gobind Singh Deo, N.Surendran, R.Sivarasa, J.Leela, Latheefa Koya, Lim Choon Khim, Eric Paulsen, Michelle Yesudas, Shahid Adli Kamaruddin, Zaleha Al-Hayat, Jeremy Vinesh Anthony dan Mohamed Aliff Bolkin.

Peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah mengetuai pasukan pendakwaan dalam rayuan itu dan beliau dibantu Timbalan Pendakwa Raya Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria.

Mahkamah Rayuan mendapati Anwar, 67, bersalah meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 27, di Unit 11-5-1 Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang 26 Jun 2008.

Pertuduhan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika disabitkan kesalahan.

Pihak pembelaan berusaha membebaskan ketua pembangkang itu daripada sabitan bagi kesalahan meliwat manakala pendakwaan meminta mahkamah menolak rayuan Anwar untuk mengetepikan sabitan dan hukuman penjara yang dikenakan terhadapnya.

Pada 9 Jan 2012, Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan Anwar daripada pertuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari atas alasan ia tidak pasti 100 peratus berkaitan integriti sampel yang diambil bagi ujian DNA membabitkan individu yang didakwa menjadi mangsa.

Mahkamah itu memutuskan sampel berkenaan mungkin telah diusik sebelum dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis.

Bagaimanapun, ketika mensabitkan Anwar dengan kesalahan meliwat itu, Mahkamah Rayuan berpendapat hakim perbicaraan terkhilaf dalam dapatannya berkaitan sampel berkenaan, yang dibuat berdasarkan keterangan dua saksi pakar pembelaan.

Ini kes liwat kedua melibatkan Anwar.

Dalam kes pertama, beliau didapati bersalah meliwat pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar, di Tivoli Villa di sini pada 1994 dan dihukum penjara sembilan tahun oleh Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos 2000.

Mahkamah Tinggi memerintahkan Anwar menjalani hukuman itu selepas beliau selesai menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah.

Beliau didapati bersalah atas empat pertuduhan rasuah pada 4 April 1999.

Bagaimanapun, setelah meringkuk hampir enam tahun dalam penjara kerana rasuah, beliau dibebaskan pada 2 Sept 2004 apabila Mahkamah Persekutuan yang diketuai Hakim Tun Abdul Hamid Mohamad (kemudian menjadi Ketua Hakim Negara)) mengetepikan sabitan dan hukuman terhadap Anwar bagi pertuduhan meliwat Azizan dalam keputusan majoriti 2-1.

Abdul Hamid dan Hakim Tengku Baharudin Shah Tengku Mahmud membuat keputusan yang memihak kepada Anwar manakala Hakim Datin Paduka Rahman Hussein sebaliknya.

Bagaimanapun, Abdul Hamid yang menulis penghakiman majoriti itu berkata para hakim berkenaan mendapati Anwar dan seorang lagi tertuduh yang juga adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja 'terlibat dengan kegiatan homoseksual', oleh itu, mereka terdorong untuk mempercayai bahawa perbuatan liwat yang didakwa itu memang berlaku.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Anwar Beri Kenyataan Dari Kandang Tertuduh Berikut Pengalaman Lampau - Sri Ram

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Peguam utama Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Gopal Sri Ram, dalam hujah penutupnya bagi rayuan terakhir pemimpin pembangkang terhadap sabitan dan hukuman penjara lima tahun, memberitahu Mahkamah Persekutuan bahawa penasihat PKR itu tidak patut dipersalahkan kerana memilih memberikan kenyataan dari kandang tertuduh berhubung konspirasi untuk menamatkan karier politiknya.

Sri Ram, seorang bekas hakim Mahkamah Persekutuan, berkata Anwar memilih untuk melakukan ini kerana pengalaman masa lalu di mana mahkamah rendah mensabitkan beliau atas tuduhan yang sama (kerana meliwat pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar) tetapi kemudiannya dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti 2-1.

Beliau juga memberitahu panel lima hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria bahawa dalam kes semasa yang melibatkan Mohd Saiful Bukhari, pengadu adalah seorang lelaki yang mempunyai motif dan saksi yang tiada nilai.

"Hakim perbicaraan (Mahkamah Tinggi) itu terkhilaf apabila memberikan banyak tumpuan kepada pembuktian apabila kredibiliti Mohd Saiful Bukhari diragui," beliau memberitahu panel lima hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria pada hari kelapan prosiding rayuan.

Sri Ram juga menyebut beberapa kes undang-undang yang menyatakan apabila kredibiliti itu kurang, maka pembuktian tidak lagi relevan.

Beliau berkata pada peringkat pembelaan, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa ia bukan 100 peratus selamat untuk mensabitkan Anwar memandangkan keterangan saksi utama (Mohd Saiful Bukhari) tidak menyokong bukti DNA yang merupakan titik penting kes pendakwaan.

Sebelum itu, Sri Ram memberitahu mahkamah bahawa gambar Mohd Saiful Bukhari menghidangkan teh di rumah Anwar sehari selepas kejadian yang didakwa itu perlu diterima sebagai eksibit memandangkan orang yang di dalam gambar itu mengakui bahawa dia ada di sana, tanpa memanggil siapa yang membancuhnya.

Beliau berkata foto itu adalah relevan untuk menunjukkan perilaku Mohd Saiful Bukhari, yang mana pihak pembelaan berujah kelihatan normal dan gembira, tetapi ia tidak ditandakan sebagai eksibit semasa perbicaraan.

Setelah Sri Ram membuat kesimpulan penghujahannya, ketua pasukan pendakwaan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah bangun dan meminta izin mahkamah untuk menjawab hujah pembelaan mengenai isu persetujuan berkaitan pertuduhan liwat.

Bagaimanapun, Arifin berkata kepada Muhammad Shafee untuk berbuat demikian secara bertulis.

"Ia (rayuan) telah tamat, kecuali jika ada isu-isu baharu," katanya.

Empat hakim yang lain ialah Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali.

Dalam rayuan itu, Anwar, 67, memohon kepada Mahkamah Persekutuan mengetepikan sabitan kesalahan dan hukuman yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Rayuan pada 7 Mac tahun ini setelah mengubah keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Anwar.

Mahkamah Rayuan mendapati Anwar bersalah meliowat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari, 27, di Unit 11-5-1, Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang 26 Jun 2008.

Tuduhan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebatan jika disabitkan kesalahan.

Pada 9 Jan 2012, Mahkamah Tinggi membebaskan dan melepaskan Anwar daripada tuduhan meliowat Mohd Saiful dengan alasan mahkamah itu tidak pasti 100 peratus tentang integriti sampel yang diambil bagi ujian DNA daripada individu yang didakwa menjadi mangsa.

Mahkamah itu memutuskan bahawa sampel berkenaan mungkin telah diusik sebelum sampai kepada **Jabatan Kimia** untuk dibuat analisis.

Bagaimanapun, ketika mensabitkan Anwar dengan kesalahan meliowat itu, Mahkamah Rayuan berpendapat hakim perbicaraan terkhilaf dalam dapatannya tentang sampel berkenaan, yang didasarkan kepada keterangan dua saksi pakar yang dipanggil pihak pembelaan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Angkasa Perkenal Kit Pembelajaran Astronomi Pertama Bagi Pelajar Kurang Upaya Penglihatan

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- [Agenzi Angkasa Negara \(ANGKASA\)](#) memperkenalkan alat bantuan mengajar astronomi pertama, 'Space Insight Education Kit' (SIEK), khusus bagi pelajar kurang upaya penglihatan.

[Ketua Pengarahnya, Dr Noordin Ahmad](#) berkata ANGKASA dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan mereka bentuk SIEK dengan tulisan 'braille' bagi membantu pelajar berkenaan mendalamai bidang astronomi.

"Bidang astronomi dalam silibus sekolah rendah memerlukan pelajar membuat pemerhatian ke angkasa, melihat bentuk bulan dan bintang, maka satu alat bantu mengajar perlu diwujudkan khas buat pelajar kurang upaya penglihatan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Minggu Angkasa Lepas Dunia (WSW) 2014, di sini Sabtu.

Katanya, SIEK dibangunkan dalam masa dua tahun bermula tahun lepas dengan bantuan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, yang secara langsung terlibat mengajar pelajar kurang upaya penglihatan subjek berkaitan astronomi.

Beliau berkata, SIEK akan mula diedarkan ke sekolah pendidikan khas terpilih seluruh negara bermula awal tahun hadapan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

[WSW 2014 yang dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha \(Sains\), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim berlangsung dari 8 hingga 14 Nov.](#)

Program itu bertujuan memberi pendedahan berkaitan bidang astronomi kepada generasi muda dan menggalakkan mereka menceburi bidang astronomi.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang WSW 2014 termasuk aktiviti cerapan bintang serta forum dan taklimat pakar astronomi negara.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
THE STAR (METRO WATCH) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 8 NOVEMBER 2014 (SABTU)**

CHILDREN'S FORUM

The National Space Agency alongside the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) will host the World Space Week 2014 (WSW) programme themed 'Space Guiding Your Way' beginning today until Nov 12. An international celebration of science and space technology, the National Planetarium will work with the Star Finder Association for activities in celebration of the WSW this year. This will include Space Science Forum, shared ideas and experiences with Astronomy, as well as observations of the sun and night. Other activities such as Rocketry and DIY Solar System Workshop, colouring contests and treasure hunts will also be available at the event. For details, contact 03-2273 4303.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 NOVEMBER 2014 (SABTU)



Firma Bumiputera Sedia Bantu JPJ Tangani Isu Plat Nombor Tidak Tepati Syarat

Oleh Rosemarie Khoo Mohd Sani

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Syarikat milik Bumiputera, Triforium Engineering Sdn Bhd, yang memiliki kapakaran pengeluaran plat nombor kenderaan cetakan timbul aluminium (AENP), sedia membantu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menangani isu plat yang tidak menepati syarat ditetapkan.

Pengurus Besarnya, Shahrul Effendy Bidin, berkata syarikat yang ditubuhkan pada 1993, menggunakan teknologi Eropah bagi pembuatan AENP.

Syarikat itu, katanya, turut menerima pengiktirafan ISO 9001:2001 dan OSHAS 18001:1999 selain diuji pihak **SIRIM Bhd**.

"Nombor plat itu adalah seperti kad pengenalan kenderaan. Sebagai pihak yang sudah 20 tahun bertapak dalam industri ini, kami tahu aspek ini memerlukan satu piawaian seperti ciri-ciri keselamatan dan butiran pengenalan," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, syarikat itu mendapat kelulusan JPJ pada Mei 1996 selepas satu sistem rangkaian dalam talian diwujudkan bagi menangani masalah pemalsuan, selain mengawal pengeluaran setiap plat nombor kenderaan di seluruh Malaysia.

Syarikat itu menggunakan bahan pantulan retro yang boleh dicetak dalam bentuk imej hologram menggunakan plat aluminium itu sebagai komponen utama dan menggabungkan salutan lapisan filem khas.

Selain cetakan timbul nombor pendaftaran, setiap plat nombor kenderaan itu mengandungi butiran seperti nama dan nombor kad pengenalan pemilik, alamat, jenis kenderaan, nombor chasis dan enjin, tarikh tempahan dan pengedarnya.

"Sebelum ini, syarikat mempunyai 14 cawangan dilengkapi mesin cetakan timbul dan dilantik EON Bhd bagi membekal plat kenderaan menepati piawaian antarabangsa.

"Namun kontrak itu ditamatkan pada Mac 2004," katanya.

Walaupun dihimpitkekangan seperti terpaksa menutup cawangan dan pusat rangkaian pengedarannya di seluruh negara, Shahrul Affendy yakin berbekalkan rekod perolehan syarikat RM5 juta - RM6 juta setiap tahun, syarikat itu mampu memenuhi keperluan JPJ.

"Syarikat berharap dapat diberikan peluang membangunkan semula kilangnya sejarah dasar kerajaan membabitkan Komuniti Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera," katanya.

Mengikut satu laporan media, kerajaan, menerusi JPJ sudah dinasihati beralih daripada sistem lama pengeluaran plet nombor kenderaan yang tidak menepati peraturan.

"Lihat saja plat nombor kenderaan di negara lain yang berdekatan. Malah, di India dan Sri Lanka, plat nombor kenderaan itu dikeluarkan pihak berwajib menggunakan saiz dan ukuran yang seragam," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 59
TARIKH: 8 NOVEMBER 2014 (SABTU)

Uji bakat detektif

■ Pameran di PSN beri peluang

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@mediaprime.com.my
Kuala Lumpur

Orang ramai dan kanak-kanak berpeluang mencabar minda dan kebolehan mereka menjadi seorang detektif bagi menyelesaikan kes jenayah menerusi pameran bertema terbaru yang boleh didapati di Pusat Sains Negara (PSN).

Pameran 'Who-dunit? Murder Mystery At Menagerie Park' yang kini berlangsung di PSN Kuala Lumpur sejak 8 September hingga 5 Februari 2015 depan memberi peluang pengunjung untuk menyelesaikan jenayah dalam persekitaran zoo diberi nama 'Menagerie Park'.

Ketua Penolong Pengarah Pameran PSN, Azreen Haniza Abdul Hai

berkata, pameran berkonsepkan interaktif sains forensik itu diadakan dengan kerjasama Scitech Perth, Australia dan 24 bahan pameran tersedia kepada pengunjung.

Menurutnya, orang ramai akan dibekalkan dengan sebuah buku penyiasatan dan perlu menyiasat secara terperinci bagi mengenal pasti suspek dan ia merupakan peluang terbaik bagi mereka untuk merasai pengalaman sebenar dunia penyiasatan.

"Penjenayah sebenar hanya akan dapat diberkas sekiranya pengunjung menyelesaikan masa-

lah jenayah yang berlaku itu.

"Pengunjung perlu berperanan sebagai detektif untuk menguji dan menganalisis bahan bukti pada setiap pameran dengan menggunakan teknik sains forensik terkini bagi menyelesaikan siapakah pen-

FAKTA
PSN dapatkan
khidmat pakar dari
Australia bagi
menyajakan pameran




FOTO: AZMAIDI ABIDIN

KAKITANGAN PSN menunjukkan cara membuat belon buih gergasi.

jenayah 'Whodunit,' katanya pada Hari Bersama Media dan PSN, semalam.

Katanya, PSN mensasarkan kehadiran sekitar 100,000 pengunjung selama enam bulan pameran itu berlangsung dan ia sesuai kepada pelajar sekolah berumur 10 tahun ke atas, pelajar kolej, universiti serta orang dewasa.

"Sejak dilancarkan September lalu, lebih 40,000 pengunjung terdiri daripada pelajar sekolah dan keluarga datang ke pameran ini.

"Ia satu pameran berkualiti kerana menggabungkan pakar dari Australia.

"PSN menjangkakan kehadiran lebih ramai pengunjung ketika musim cuti sekolah ini," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (STARBIZWEEK) : MUKA SURAT 36
TARIKH: 8 NOVEMBER 2014 (SABTU)



① Shining moment: CIMB group chief internal auditor Lim Tiang Siew (right) receiving the ISO 9001:2008 certificate from Sirim QAS International MD Khalidah Mustafa. The presentation was witnessed by CIMB Group acting group CEO Tengku Datuk Zafrul Tengku Abdul Aziz (second from right) and CIMB Group chairman of board audit committee Datuk Zainal Abidin Putih.